




ADAM : Aku Darah Anak Malaysia

Ramlee Awang Murshid

[Download now](#)

[Read Online](#) ➔

ADAM : Aku Darah Anak Malaysia

Ramlee Awang Murshid

ADAM : Aku Darah Anak Malaysia Ramlee Awang Murshid

Bila Hilman dapat bertemu dengan anaknya Jeslina di New York setelah berbelas tahun terpisah, mereka berasa begitu bahagia. Namun, keriangannya mereka diragut bila kereta yang mereka naiki terlibat dengan satu kemalangan jalan raya. Jeslina koma sementara Hilman pula dituduh memandu dalam keadaan mabuk. Dalam situasi genting itu, muncul Mia Sara, seorang petugas di Kedutaan Malaysia, Washington D.C. Melalui bantuannya, Hilman dinasihatkan ke mahkamah untuk mendapat keadilan. Namun, bila satu konspirasi untuk menutup kemalangan itu diketahui oleh Hilman, dia mengambil keputusan untuk mencari kebenaran dengan caranya.

Sebagai seorang penembak tepat dalam pasukan Polis di Raja Malaysia, survival adalah mainan hidupnya. Siasatannya terhadap konspirasi kemalangan itu akhirnya membawa beliau ke pintu White House! Dan, Hilman tidak sekali-kali terpaku di hadapan pintu itu...

ADAM : Aku Darah Anak Malaysia Details

Date : Published 2001 by Alaf 21 Sendirian Berhad

ISBN : 9831240995

Author : Ramlee Awang Murshid

Format : 569 pages

Genre : Novels, Thriller

 [Download ADAM : Aku Darah Anak Malaysia ...pdf](#)

 [Read Online ADAM : Aku Darah Anak Malaysia ...pdf](#)

Download and Read Free Online ADAM : Aku Darah Anak Malaysia Ramlee Awang Murshid

From Reader Review ADAM : Aku Darah Anak Malaysia for online ebook

Pak Badrul says

Tak sangka secara tidak langsung aku telah dapat mengetahui asal-usul Karam Singh Walia dalam novel ni. Lima bintang! Haaa... Tepuk!

Tapi serius. Novel RAM ni best. Walaupun graf pembacaan mula mendadak di pertengahan cerita, kisah yang disajikan yang memang kena dengan taste aku membuatkan aku menyukainya. Terus-terang juga, ni lah novel dia yang first aku baca. So, lepas ni boleh la baca novel-novel dia yang lain plak.

M Syahrul says

'Hati mereka telah lama bersatu'

Tak sangka dalam novel thrill macam ni ada terselit kisah cinta antara Hilman dengan orang yang tak pernah berjumpa. Bukan nak fokus tentang tema cinta, tetapi nak menyatakan novel ini mempunyai banyak tema - thrill, saspens, kekeluargaan dan juga cinta.

Ini merupakan novel pertama RAM yang saya baca. Tertarik bila baca sinopsis di kulit belakang dan reviu dari pembaca - Hitman versi Malaysia. Sudah lama ingin membaca karya RAM tapi tak tahu nak pilih yang mana satu. Akhirnya terbuka hati untuk membeli dan membaca novel ini.

Jalan cerita yang menarik dengan banyak flashback pada permulaan cerita mengikut latar masa dan tempat yang berbeza. Watak yang pelbagai, terdiri daripda keluarga Hilman, PDRM, rakyat Malaysia di US, agen CIA sehinggalah watak Presiden US membuatkan rasa ingin tahu kesudahan cerita setiap kali selak helaian. Garapan watak dan latar tempat yang berbeza dan kesinambungan yang tak disangka (masakan tidak Presiden US pun menjadi watak penting dalam cerita ini!) menjadikan jalan cerita mendebarkan.

Dukacita juga sebab ada rasa sedikit kekecewaan semasa mula membaca novel ini. Beberapa kesalahan perkataan mungkin perlu disemak semula. Nama penjenayah Arab,sejekap Abu Ghari kemudian Abdul Ghari; agak keliru. Seattle di timur US? Adus! Saya anggap hanyalah ralat percetakan.

Berharap juga novel ini mungkin diangkat ke layar perak, ataupun slot drama tv menggantikan drama-drama 'cinta so-called mainstream'. Siapalah yang sesuai memegang watak Hilman, a sharpshooter? Hmm...

So, which novel next?

©lukisan athirah espada says

Merupakan novel pertama karya RAM yang saya baca semasa menuntut diploma dahulu. Tak sangka ada penulis Malaysia yang mampu menulis sebuah karya yang boleh dikatakan setanding dengan thriller luar negara.

?????? says

bila buku best memang sekijap je baca. buku ni mengisahkan seorang lelaki bernama Hilman yang telah kehilangan isteri terchenta, Haslinda dan terpisah dengan anaknya perempuannya, Jeslina selama 19 tahun. apabila telah berjumpa mereka mengalami sATU kemalangan dan menyebabkan jeslina koma. Hilman pula dianiaya dengan dituduh mabuk ketika memandu. Ketika inilah semuanya bermula.. walaupun tajuk novel ni dah jelas2 tulis ADAM: Aku Darah Anak Malaysia tapi bile baca novel ni baru tahu A.D.A.M tu stand for Aku Darah Anak Malaysia. adoilah. lembab pulak neutron otak nak bersambung :(yang pasti ending nye best!

Hilmi Isa says

Mengisahkan ASP Hilman, seorang penembak tepat Polis Diraja Malaysia (PDRM). Dia dan anak perempuannya, bernama Jeslina, yang sekian lama terpisah antara satu sama lain, terlibat di dalam kemalangan jalan raya di New York, Amerika Syarikat (AS). Hilman dituduh memandu di dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kemalangan tersebut. Manakala, Jeslina koma. Hilman merasakan bahawa dirinya dianiaya dan dijadikan 'kambing hitam' di dalam kecelakaan itu. Dia lantas berusaha untuk membersihkan namanya dengan mencari siapa yang sebenarnya bertanggungjawab. Hilman mendapat bantuan dari Daljit (seorang wartawan Malaysia), Gabriel (seorang ejen Malaysian Intelligence Agency (MIA)), Mia Sara (seorang petugas di Kedutaan Malaysia di AS, yang turut mencintai Hilman secara diam-diam) dan Ruben (seorang ejen Central Intelligence Agency (CIA) AS yang terhutang budi kepada Hilman kerana pernah menyelamatkan nyawanya). Siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab di atas kemalangan tersebut? Adakah Hilman berjaya membersihkan namanya? Adakah dia akan berjaya membalas dendam? Sila dapatkan novel ini di pasaran untuk mengetahuinya.

ADAM merupakan novel Ramlee Awang Murshid (RAM) pertama yang saya baca. Saya membacanya buat kali pertama pada tahun 2004. Walaupun, jalan ceritanya agak menarik, namun pada masa itu saya berasa sedikit tidak berpuas hati dengan jalan ceritanya. Pada pendapat saya, novel ini tidak mengandungi aksi-aksi thriller yang padat dan mendebar. Malahan, saya turut merungut kerana terlalu banyak adegan menangis dan sedih di dalamnya. Saya mempunyai pemikiran yang seperti ini kerana pada ketika itu, saya lebih meminati novel-novel thriller dan aksi Barat seperti Tom Clancy dan Chris Ryan.

Namun begitu, kini saya menyedari bahawa ini adalah gaya penulisan RAM. Gaya penulisan tidak boleh dibandingkan dengan gaya penulisan penulis-penulis Barat. Seperti kebiasaannya, RAM akan memasukkan unsur-unsur yang lazimnya beliau masukkan di dalam karya-karyanya iaitu keislaman, cinta, thriller/aksi dan humor. Ciri-ciri inilah yang membezakan beliau daripada penulis-penulis yang lain. Malah, ianya seolah-olah menjadi 'trademark' dan membentuk keasliannya yang tersendiri.

Secara keseluruhannya, novel ADAM ini merupakan sebuah novel yang digarap dengan baik. Malah, novel ini juga istimewa kerana ini merupakan kali pertama RAM menjadikan tema politik sebagai antara intisari utama penceritaan novel ini. Novel ADAM ini saya syorkan kepada sesiapa yang ingin membaca novel thriller bahasa Melayu. Lebih-lebih lagi kepada mereka yang ingin beralih arah untuk sementara waktu daripada membaca novel-novel thriller Barat. InsyaAllah, anda tidak akan kecewa membacanya.

Gobokairina says

Novelis thriller ni suka buat aku tercungap-cungap nak menghabiskan ceritanya hik3 lalala5 Selalu buat aku tak sabar dan bila membaca rasanya aku memang tak boleh tinggal macam tu je. Nak tak nak, aku akan baca sampai habis hehe...

Ia kisah Hilman yang terlalu ingin bertemu dengan anaknya, Jeslina. Sebagai ayah barangkali dia dilihat gagal untuk membahagiakan anaknya setelah kematian isterinya. Itu menyebabkan keluarga mentuanya membawa Jeslina jauh darinya. Kasihan... dalam cerita ni, seorang polis itu takde ertinya sangat sedangkan polis inilah yang menjaga bumi Malaysia daripada ancaman kan? Lagipun Hilman seorang polis berpangkat ASP; a sharpshooter lagi...

Keinginan Hilman kemudiannya tercapai. Berkat kesabarannya berbelas tahun, dia akhirnya dapat bertemu dengan anaknya di New York. Tapi sayang, dia dan Jeslina terlibat dalam kemalangan jalan raya. Masing-masing cedera parah, Jeslina koma dan Hilman pula dituduh mabuk semasa memandu.

Di New York, Hilman bangkit menuntut keadilan. Kemunculan Mia Sara; petugas di Kedutaan Malaysia Washington D.C, Gabriel; MIA dan Daljit; wartawan banyak membantu Hilman dalam misinya. Ada juga si Ruben; agen CIA dan terrorist from Iraq. Memang gila la cerita ni. Tapi aku suka dengan tulisan RAM yang menerangkan tak semua orang itu jahat. Manusia walau berbilang agama mahupun bangsa, kalau hatinya suci bersih... dia harus diberi layanan seadilnya. Menjadi Islam mengajar kita bersikap adil walau dengan sesiapa jua sekalipun.

Di penghujungnya bila rahsia sebenar terbongkar, masing-masing dah tak senang duduk. Ini kerana segalanya adalah satu konspirasi melibatkan orang besar White House. Mahu atau tidak, Hilman membentuk keadilannya sendiri.

Ada juga terselit kisah cinta. Mia Sara yang jatuh hati pada Hilman kerana mereka berkongsi satu hati yang sama. Nor Alia – adik ipar Hilman yang turut memendam perasaan padanya. Gabriel rakan lama Mia Sara yang memang sudah lama menyukai temannya itu. Jadi, siapa yang akan berjaya dalam cinta? Ala... teka je, jawapannya sangat senang hik3 lalala5

ADAM = Aku Darah Anak Malaysia. Cerita yang mengingatkan aku pada filem mat salih. Penuh konspirasi, penuh adegan saspén dan diisi dengan pelbagai twist yang menarik. Rugi kalau tak baca!

azian2575 says

Mia Sara & Hilman

Baca *thriller* Abang RAM ni tak pernah menghampakan..
Cukup semua..

Saya suka bayangkan Eman Manan sebagai Hilman dan Fasha Sandha sebagai Mia Sara.. heeeeee

Saya tak kesah apa saja gosip yang dikaitkan dengan Fasha, saya suka dengan bakat beliau! Itu yang penting! :)

Suka dengan coretan ni:

"Aktiviti harian bermula seawal azan Subuh berkumandang. Waktu Subuh-Zuhur adalah paling produktif untuk kerja yang memerlukan penumpuan tinggi. Manakala Zuhur-Asar sesuai untuk pekerjaan yang santai sifatnya. Asar-Maghrib ibarat waktu penenang, masa untuk bersilatullah dan aktiviti kemasyarakatan. Maghrib-Isyak lebih kepada aktiviti kekeluargaan di mana kata-kata nasihat amat berkesan. Isyak-Subuh merupakan waktu beribadah dan berehat."

Teringat muda-mudi zaman ini, yang akan menjadi pemimpin akan datang, berlawanan bebenor sifat kehidupan mereka dengan apa yang diperkatakan di atas ni.. *Subuh-Asar: waktu berehat.. Asar-Subuh: waktu riadah..* Solat entah ke mana.. Na'uzubillah..

Naim AlKalantani says

6/10. Sangat berbeza dengan novel RAM lain yang pernah aku baca, ADAM ini bergerak terlalu lambat. 'Cerita' bermula di sudah bahagian tengah. Di bab-bab awal banyak perkara yang tidak penting diceritakan.

Zulfariz says

Kalau buat adaptasi filem dari buku ni bagus juga. Tapi polis Malaysia lawan secret servis kompem tak lepas LPF.

Yazlina Saduri says

Yes, it was an amazing read. Setiap patah perkataan dan ayat dan paragraph semacam ada roh masing-masing. Kesemuanya mendorong dan menjulang cerita yang dibawakan ke tahap yang tinggi. Novelist yang berkaliber sama seperti watak utamanya. Ramlee Awang Murshid ni saya yakin memang seorang yang genius. Buku ADAM pada pendapat saya setara novel best seller conspiracy thriller oleh penulis terkenal seperti Tom Clancy dan Dan Brown. Rasa terharu, patriotik, bangga, Kalau Malaysia betul mengiktiraf dan menganugerahkan pingat kebesaran kepada seseorang yang mengharumkan nama negara melalui karya penulisan atau hasil kreatif, bagi saya Ramlee Awang Murshid sangat layak.

Hasyimi says

1st novel

masa ni baru nak berjinak2 dgn novel

Sharulnizam Mohamed Yusof says

Buku tulisan Ramli Awang Murshid (RAM) yang pertama aku baca.

Menerusi komen-komen (di Goodreads) yang terdahulu, betul. Kau menjadi "terdesak" untuk menghabiskan pembacaan. Kata mereka, tidak sabar mahu tahu apa yang terjadi seterusnya.

Begitulah.

A.D.A.M ini bagaikan "kejutan budaya" bagi aku. Belum pernah lagi membaca buku bergenre sebegini (karya tempatan). Aku kagum dengan kemampuan RAM untuk keluar daripada "stereotype" novel tempatan masa kini. Dan penceritaannya lengkap (merujuk kepada strategi menyelamatkan di KLCC, jenis senjata, jalan-jalan di Washington DC dan lain-lain), menunjukkan RAM membuat "homework" semasa menulis. Kebenarannya mungkin ada yang mempertikaikan, tetapi bagi aku itu jatuh nombor dua. Kesungguhannya mendapatkan maklumat itu boleh membantu kau menilai RAM ini penulis yang bagaimana.

Oh! Novel ini sudah lama, terbitan tahun 2001. Aku rupanya sudah ketinggalan zaman!

Sedikit pandangan;

- 1) Watak Ruben seperti tidak memberi impak yang besar.
- 2) Terlalu berulang-ulang menceritakan hal "satu hati dua jiwa" antara Hilman dan Mia Sara. Jadi muak juga.
- 3) Kisah tentangan keluarga kaya bermenentukan anak keluarga kampung. Terlalu "drama Melayu".
- 4) Bahasa Inggeris aku tidak lah begitu baik, tetapi perbualan English orang-orang Amerika tidak terasa "keAmerikaannya". Wallahualam.
- 5) Daljit dan Gabriel yang pernah diserang/diekori, tetapi kehidupannya seperti biasa-biasa sahaja.

Itu sahaja.

Sangkelu says

Good

Yana says

Jalan ceritanya memang menarik! Ada gaya filem The Recruit ataupun Jack Ryan: Shadow Recruit..RAM memang ada keistimewaan mengadunkan unsur aksi dari Barat dengan rempah dari bumi Malaysia! Jadi untuk sesiapa yang minat dengan kisah penyiasatan yang bertaraf antarabangsa bolehlah mencuba novel ADAM : Aku Darah Anak Malaysia ini.

Zeneria Naumul says

Good plot. its just that I can't fathom the idea of a man (or a boy at that time; it was never disclosed) transplanted part of his liver to a baby and the baby grew up to fall in love with the man without really knowing the man. Sure age is no limit but author keeps using the word 'Hati kami telah bersatu'. of course in BM this is kinda romantic or whatever but ugh its a liver for crying out loud. A freakin liver.
